

Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan

¹NOORAINI OTHMAN & SALASIAH KHAIRULLAH

ABSTRACT

Exploring the Relationship between Islamic Personality and Parenting Style

This study was conducted to identify the parenting styles which influence the Islamic personality among students from one of the secondary school in Batu Pahat district, Johor. Using strata random sampling technique, a total of 302 students from form 1 to form 6 of the secondary school was chosen as the respondents. This correlational study used questionnaire as an instrument for its data collection. The data analysis was done using the descriptive and inferential statistical analysis with the help of Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 17.0. Descriptive analysis result shows a medium level of authoritative parenting style, high level of authoritarian parenting style and low level of permissive parenting style were practiced. Inferential analysis result shows the existence of a significant relationship between parenting styles (authoritarian, authoritative and permissive) and Islamic personality.

Keywords: Authoritative, Islamic Personality, Parenting Style, Permissive

Pelan Integriti Nasional (PIN) mempunyai objektif umum untuk menyumbang kepada usaha pencapaian Wawasan 2020, iaitu menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri dengan “membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”. Pembentukan generasi muda yang beragama dan berketrampilan merupakan asas kekuatan ummah dan visi Malaysia pada 2020. Generasi yang jauh daripada agama akan terdedah kepada pelbagai gejala sosial akibat nilai atau gaya hidup dan gaya fikir yang negatif akan menjaskan pegangan dan personaliti Islam yang mantap.

Pembangunan modal insan dalam konteks pendekatan Islam lebih memberi penekanan kepada kesedaran tentang betapa perlunya setiap individu mengetahui tentang apa yang perlu dilakukan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala perbuatannya, keadaan ini akan mendorong terhasilnya amalan yang terbaik daripada perbuatannya. Dalam usaha membangunkan modal insan secara menyeluruh, proses pendidikan juga memerlukan satu pendekatan yang menyeluruh. Pendekatan yang holistik dalam pendidikan bermaksud penyepaduan antara ilmu wahyu sebagai asas dengan pembangunan ilmu intelektual, iaitu ilmu yang berkaitan dengan bidang kerjaya pada hari ini. Pendekatan ini bertujuan membawa pembangunan kejiwaan pelajar melalui pengajian ilmu intelektual untuk menyedari dan mengakui kewujudan Allah S.W.T dan menyedari tujuan kehidupannya di dunia ini sebagai khalifah (Rohana 2010).

¹ **Nooraini Othman**, Ph.D., Assoc. Professor at UTM Perdana School of Science, Technology & Innovation Policy, Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Semarak, 54100 KUALA LUMPUR, Malaysia, Email: p-noraini@utm.my, khairunnur69@yahoo.com; **Salasiah Khairullah**, M.Phil., Teacher at Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sulaiman, 83500 PARIT SULONG, Batu Pahat, Johor, Malaysia, Email: ksallasiah@yahoo.com.my.

Usaha untuk menghasilkan insan yang berkualiti sangat berkait rapat dengan cara didikan yang diterima. Pendidikan adalah bertujuan untuk membangunkan modal insan kerana ia juga berkait dengan usaha membina dan mendisiplinkan diri dari segi pemikiran, kerohanian, emosi dan fizikal. Menurut Hamedah dan Normah (2009), daripada perspektif Islam, negara memerlukan modal insan yang berpegang teguh dengan kalimat *wattakullah*, iaitu menyatupadukan ilmu, akhlak mulia, akal dan hati, fikir dan zikir, kemahiran dan etika serta kerja dan ibadah. Seharusnya pendidikan bukanlah hanya memenuhi otak dengan segala ilmu yang belum diketahui tetapi haruslah dapat membentuk akhlak dan jiwa serta dapat mempersiapkan diri individu untuk suatu pembentukan personaliti Islamik.

Menurut Sidek Baba (2007), sistem pendidikan negara seharusnya menyediakan asas yang kukuh tentang ilmu keibubapaan kerana keluarga merupakan unit masyarakat yang menyumbang terhadap proses pembangunan negara. Menurutnya lagi, pendidikan keibubapaan bermaksud satu corak pendidikan langsung dan tidak langsung yang disediakan dalam jadual pendidikan pelajar bagi membolehkan pelajar menimba ilmu dan berketrampilan dalam konteks membangunkan keluarga. Ini bermaksud bahawa ilmu keibubapaan ini harus diterapkan sejak di alam persekolahan lagi.

Kajian mengenai gaya keibubapaan terhadap pembentukan personaliti Islamik dalam kalangan pelajar sekolah menengah dibuat memandangkan masalah salah laku dalam kalangan pelajar ini telah berlarutan sekian lama dan membimbangkan banyak pihak terutamanya pihak pentadbir sekolah, guru-guru dan ibubapa pelajar. Namun apa yang lebih membimbangkan adalah ketidakupayaan masyarakat sekitar membendung masalah sosial yang semakin bertambah akibat kekurangan fasa membaik pulih di peringkat awal lagi.

Di pihak guru pula, adalah sukar untuk memastikan kecemerlangan akademik yang menyeluruh jika masalah salah laku menjadi masalah utama di sekolah. Manakala, bagi pihak ibubapa pula tentulah sukar untuk menerima realiti apabila anak mereka dikenakan tindakan disiplin dengan alasan anak mereka berkelakuan baik ketika di rumah tetapi sebaliknya apabila berada di sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini akan menjawab persoalan tentang tahap personaliti Islamik pelajar dari aspek ibadah, amanah dan ilmu, tahap pengamalan gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian dan permisif) oleh ibubapa pelajar dan hubungan antara gaya keibubapaan (autoritatif, authoritarian and permisif) dengan personaliti Islamik dalam kalangan pelajar.

Metodologi dan Sampel Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah berbentuk deskriptif. Kajian ini juga melibatkan kajian korelasi iaitu mengkaji perhubungan signifikan antara satu pembolehubah dengan pembolehubah lain dengan menggunakan ujian statistik korelasi. Dalam kajian ini, penyelidik ingin melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapan (autoritatif, authoritarian dan permisif) dengan personaliti Islamik dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga bersifat kuantitatif dan penyelidik menggunakan data yang diperolehi berdasarkan rekod atau item yang ditandakan oleh responden dalam soal selidik. Soal selidik adalah alat formal yang digunakan bagi memperolehi maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seseorang penyelidik.

Kaedah persampelan yang dipilih oleh penyelidik ialah persampelan rawak berlapis. Ini bermakna pemilihan sampel dilakukan secara rawak berasingan bagi setiap sub-kumpulan dalam populasi. Kelebihan prosedur persampelan rawak berlapis ialah ralat persampelannya lebih kecil daripada ralat yang wujud daripada prosedur persampelan rawak sistematik dan persampelan rawak mudah (Piaw 2006). Persampelan ini juga mengurangkan kesukaran menentukan rangka persampelan dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi menjalankan

penyelidikan (Mohd Majid 2004). Penyelidik memilih sampel sebanyak 302 orang sebagai sampel kajian ini. Saiz sampel yang lebih besar akan dapat mengurangkan ralat sampel tidak dipilih atau tidak mempunyai ciri-ciri populasi. Bagi mengurangkan risiko borang soal selidik tidak dikembalikan atau tidak lengkap, penyelidik mengedarkan sebanyak 350 borang soal selidik. Penyelidik telah mengedarkan sendiri borang soal selidik kepada responden.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan terdiri daripada 5 bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A mengandungi latar belakang responden secara umum. Bahagian B adalah soal selidik berkaitan dengan gaya keibubapaan terhadap anak. Soal selidik ini diadaptasi dari ‘Paulson’s Perception of Parenting Scale’ yang dibangunkan oleh Paulson (1994). Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui gaya keibubapaan iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif yang mempengaruhi tingkah laku remaja. Soal selidik dibahagikan kepada tiga jenis subskala iaitu gaya keibubapaan authoritarian, autoritatif dan permisif. Soal selidik ini mengandungi 16 soalan.

Bahagian C, D dan E adalah soal selidik berkaitan dengan konstruks personaliti Islamik iaitu ibadah, amanah dan ilmu. Soal selidik ini diadaptasi dari ‘The Ummatic Personality Inventory’ yang telah dibangunkan oleh Nooraini (2008; 2011; 2011a). Bahagian C berkaitan ‘ibadah’ iaitu pengamalan Fardu ‘Ain dan Fardu Kifayah yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari. Item-item soal selidik pada bahagian C mengandungi 24 item yang masing-masing mewakili dua konsep dalam ‘ibadah’ iaitu Fardu ‘Ain dan Fardu Kifayah. Fardu ‘Ain dalam konteks ini merujuk kepada cara seseorang individu itu melaksanakan tanggungjawab individu berlandaskan syariah (Al-Quran dan Al-Sunnah). Manakala Fardu Kifayah pula merujuk kepada tanggungjawab sosial yang harus dilaksanakan setiap manusia. Berdasarkan *Maqasid Syariah*, Fardu Kifayah meliputi lima komponen iaitu *al-Din* (agama), nafsu (diri), akal, harta dan keturunan. Dalam konteks kajian ini *al-Din* bermaksud penjagaan terhadap agama (Islam) dan keterlibatan diri yang berkaitan dengan Islam. Nafsu pula bermaksud penjagaan diri daripada kecederaan dan kemaksiatan dan apa-apa kesihatan diri, akal lebih kepada penjagaan cara berfikir terhadap pembangunan persekitaran. Harta merujuk kepada penjagaan harta kekayaan serta penggunaannya kepada jalan yang benar. Manakala nasab atau keturunan adalah penjagaan keturunan di mana mengambil perhatian terhadap penjagaan anak dan sistem kelahiran anak yang sah.

Bahagian D berkaitan dengan ‘amanah’ iaitu bagaimana pelajar itu melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang khalifah terhadap Allah dan manusia. Dalam bahagian ini, item soal selidik mengenai ‘amanah’ terdiri daripada 26 item. Terdapat dua dimensi iaitu khilafah dan akauntabiliti. Khilafah adalah pengukuran bagi amalan seseorang terhadap kefahaman mereka terhadap peranan khalifah, amar ma’ruf dan nahi munkar. Amar ma’ruf adalah kebaikan yang dilakukan manakala nahi munkar adalah perbuatan mencegah diri melakukan kemaksiatan. Khalifah bertanggungjawab terhadap Allah dan manusia.

Bahagian E adalah berkaitan dengan ‘ilmu’ iaitu bagaimanakah pelajar mempraktikkan sesuatu perkara berdasarkan teori yang telah dipelajari. Terdapat dua dimensi iaitu mengetahui (*knowing*) dan melakukan (*doing*). Mengetahui adalah pengukuran terhadap pencapaian seseorang untuk memahami teori sesuatu pengetahuan. Melakukan (*doing*) adalah pengukuran terhadap perbuatan yang melibatkan domain afektif, kognitif dan psikomotor yang dihasilkan melalui tingkah laku seseorang. Skala Likert lima mata digunakan dalam soal selidik ini.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan dengan memilih 10 orang pelajar sebagai sampel. Kajian dijalankan kepada mereka yang tidak terpilih menjadi responden kajian tetapi merupakan pelajar dalam sekolah yang sama. Analisis menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Science) versi 17.0, nilai *alpha Cronbach* bagi item soal selidik gaya keibubapaan autoritarian ialah 0.711, gaya keibubapaan autoritatif ialah 0.810 dan gaya keibubapaan permisif adalah 0.780. Melalui ujian tersebut, penyelidik telah memperbaiki susunan ayat dalam item-item bagi gaya permisif berdasarkan maklum balas daripada responden kajian rintis tersebut. Proses memperbaiki soalan ini adalah untuk memastikan set soalan yang dikemukakan dapat dijawab dan difahami oleh responden untuk kajian sebenar. Bagi item soal selidik personaliti Islamik, nilai-nilai *alpha Cronbach* yang diperolehi bagi aspek 'ibadah' ialah 0.902, aspek 'amanah' ialah 0.914 dan aspek 'ilmu' ialah 0.803. Manakala nilai alpha Cronbach bagi keseluruhan instrumen iaitu gaya keibubapaan dan personaliti Islamik adalah 0.947. Dapatkan ini menunjukkan bahawa keseluruhan item ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Kesahan kandungan telah dijalankan oleh pakar bidang yang dipilih dalam kalangan pensyarah.

Analisis Data

Maklumat yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS (Statistical Package for the Social Science) versi 17.0. Item-item yang terdapat pada bahagian B, C, D dan E telah dikodkan kepada skala penilaian rendah, sederhana dan tinggi. Penyelidik telah menggunakan kaedah perbandingan min. Statistik deskriptif juga digunakan bagi menilai objektif kajian mengenai gaya keibubapaan (autoritatif, authoritarian dan permisif) dalam membentuk personaliti Islamik responden. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data kerana dapat memberikan gambaran yang lebih ringkas dan mudah dibaca (Sekaran 1992). Selain itu, Statistik Inferensi yang digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan (autoritarian, autoritatif dan permisif) dengan tahap personaliti Islamik responden adalah korelasi *Pearson*. Aras signifikan yang telah digunakan ialah 5% atau $\alpha = 0.01$.

Dapatan Kajian

Daripada data yang diperolehi, seramai 125 orang responden (41.4%) adalah lelaki manakala responden perempuan adalah seramai 177 orang (58.6%). Seramai 58 orang (19.2%) berumur 13 tahun, 56 orang (18.5%) berumur 14 tahun dan 16 tahun, 59 orang (19.5%) berumur 15 tahun, 48 orang (15.9%) berumur 17 dan 25 orang (8.3%) berumur 18 tahun. Analisis deskriptif pembolehubah melibatkan analisis item dan tahap min bagi pembolehubah iaitu gaya keibubapaan authoritarian, autoritatif dan permisif. Analisis statistik deskriptif juga digunakan untuk menentukan nilai min dan sisihan piawai untuk menunjukkan tahap gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa terhadap responden. Dapatkan ditunjukkan dalam Jadual 1, 2 dan 3 berikut:

Jadual 1: Tahap Pengamalan Gaya Keibubapaan Autoritarian

N	Min	Bilangan	Peratus (%)	Tahap
302	2.89	192	63.6	Sederhana

Jadual menunjukkan, pengamalan gaya keibubapaan authoritarian ibu bapa responden adalah tinggi.

Jadual 2: Tahap Pengamalan Gaya Keibubapaan Autoritatif

N	Min	Bilangan	Peratus (%)	Tahap
302	4.44	294	97.4	Tinggi

Jadual menunjukkan, pengamalan gaya keibubapaan autoritatif ibu bapa responden adalah tinggi.

Jadual 3: Tahap Pengamalan Gaya Keibubapaan Permisif

N	Min	Bilangan	Peratus (%)	Tahap
302	1.67	267	88.4	Rendah

Jadual menunjukkan, pengamalan gaya keibubapaan permisif ibu bapa responden adalah rendah.

Analisis Tahap Personaliti Islamik

Analisis tahap personaliti Islamik pelajar menunjukkan tahap personaliti Islamik dari aspek ibadah, amanah dan ilmu adalah tinggi. Dapatkan ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Tahap Personaliti Islamik

Aspek	Min	Tahap
Ibadah	4.10	Tinggi
Amanah	4.03	Tinggi
Ilmu	4.11	Tinggi

Analisis Hubungan antara Pembolehubah

Hipotesis kajian telah dibentuk untuk menilai hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang tertentu dalam kajian. Kaedah korelasi Pearson digunakan dalam kajian ini untuk menilai sama ada suatu hipotesis itu diterima atau ditolak. Paras signifikan yang digunakan ialah alfa= 1 peratus atau 0.01 dengan ujian dua hujung. Hasil dapatan diringkaskan dalam jadual berikut.

Jadual 5: Hubungan Antara Gaya Keibubapaan dengan Personaliti Islamik

Hubungan Pembolehubah	Korelasi Pearson	Signifikan	N
Gaya keibubapaan autoritarian dengan Personaliti Islamik	0.167**	0.004	302
Gaya keibubapaan autoritatif dengan Personaliti Islamik	0.559**	0.000	302
Gaya keibubapaan autoratif dengan Personaliti Islamik	-0.235***	0.000	302

*Signifikan pada aras keertian 0.01

Analisis hubungan antara gaya keibubapaan authoritarian dengan personaliti Islamik mendapati nilai r ialah 0.167 yang menunjukkan hubungan positif yang lemah antara gaya keibubapaan authoritarian dengan personaliti Islamik, manakala nilai signifikan yang diperoleh

adalah $p=0.004$ iaitu lebih kecil daripada $\alpha=0.01$. Maka terdapat hubungan positif yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan personaliti Islamik.

Nilai korelasi Pearson, $r = 0.559$ yang diperolehi menunjukkan hubungan yang sederhana kuat antara gaya keibubapaan authoritarian dengan personaliti Islamik. Dapatkan menunjukkan nilai signifikan yang diperoleh adalah $p=0.000$ iaitu lebih kecil daripada $\alpha=0.01$. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara gaya keibubapaan authoritarian dengan personaliti Islamik. Kajian juga mendapati nilai korelasi Pearson, $r = -0.235$ yang diperolehi menunjukkan hubungan yang lemah dan songsang antara gaya keibubapaan permisif dengan personaliti Islamik. Manakala nilai signifikan yang diperoleh adalah $p=0.000$ iaitu lebih kecil daripada $\alpha=0.01$. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan songsang yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan personaliti Islamik.

Perbincangan

Pengamalan gaya keibubapaan ini penting untuk dikaji bagi mengenal pasti tahap personaliti Islamik individu yang terbentuk. Ini adalah kerana ibubapa memainkan peranan yang sangat penting untuk membina individu yang mempunyai sahsiah yang baik dan seterusnya menjadi ahli masyarakat yang dapat menyumbang ke arah pembangunan masyarakat yang harmoni dan bertamadun. Menurut Ismail (2002), ibubapa harus memastikan hubungan mereka dan anak dalam keadaan yang baik bagi memudahkan proses mendidik dilakukan. Selain itu, ketiadaan koordinasi antara ibu dan bapa juga boleh membawa kepada kewujudan anak yang bermasalah.

Kebanyakan ibubapa dalam kajian ini mengamalkan kedua-dua bentuk gaya keibubapaan authoritarian dan authoritarian iaitu ibubapa menyediakan satu peraturan dalam keluarga tetapi bersikap terbuka terhadap pandangan anak-anak dan dalam masa yang sama juga ibubapa bersikap tegas dan menggunakan hukuman dalam mendidik anak-anak. Terdapat perkara-perkara tertentu di mana ibubapa tidak boleh berkompromi dengan anak-anak misalnya ia berkaitan dengan soal kepatuhan kepada agama. Menurut Ismail (2002), masyarakat Islam berbeza dari Barat kerana kita mempunyai ajaran-ajaran dan nilai-nilai agama yang tertentu yang harus kita jadikan panduan dalam menentukan apa yang baik dan buruk. Manakala bagi masyarakat Barat, mereka memberi kebebasan kepada anak-anak untuk menentukan yang mana baik dan buruk untuk diri mereka sendiri. Ini berpunca daripada tanggapan bahawa akhlak dan moral itu akan berkembang sendiri melalui pengalaman mereka.

Kajian juga mendapati bahawa tahap gaya keibubapaan permisif yang diamalkan oleh ibubapa responden adalah rendah. Ini dapat dilihat daripada min yang kurang dari 2.34 bagi kesemua 6 item yang dikemukakan. Dapatkan menunjukkan hanya 1.3% sahaja pelajar yang mempunyai ibubapa yang kurang berperanan secara aktif untuk membentuk dan menentukan personaliti anak-anak mereka. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan pelajar mempunyai tahap personaliti Islamik yang tinggi. Ini boleh dibuktikan dalam kajian bahawa majoriti pelajar memberi balasan positif dalam pernyataan personaliti Islamik. Kemungkinan pelajar mendapat bimbingan yang sepatutnya daripada ibubapa untuk melaksanakan ibadah yang menjadi satu kewajipan sebagai seorang Islam. Selain itu, pelajar telah diterapkan oleh ibubapa mereka dengan sifat amanah melalui pengetahuan yang meliputi tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pelajar terhadap Allah, ibubapa dan individu di sekeliling mereka. Manakala dalam kehidupan seharian, mereka sentiasa meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dengan mengamalkan budaya membaca selain melayari internet untuk mendapatkan sebarang maklumat melalui pengetahuan berkenaan sains dan teknologi.

Pengamalan aspek amanah dalam pembentukan personaliti responden adalah merangkumi segala yang dipertanggungjawabkan kepada manusia itu sendiri iaitu sesuatu yang harus dipelihara, dilaksanakan dan dilayani baik berupa harta, kehormatan, ataupun berupa sesuatu hak

yang lain. Selain itu, amanah juga merangkumi undang-undang dalam kehidupan yang perlu kita patuhi dan disampaikan kepada manusia umumnya (Al-Ghazali 2008). Ilmu adalah aspek penting dalam pembentukan personaliti seseorang. Pengertian ilmu itu diperkuatkan oleh Al-Ghazali (2008), melalui contoh yang diberikan iaitu dalam hal perlaksanaan solat dan puasa, kita haruslah mengetahui sehingga menguasai syarat rukunnya lebih dahulu secara mendalam, mengerti dan faham secara total supaya amalan yang kita laksanakan menjadi sah setelah kita menepati syarat rukun yang telah ditentukan oleh syarak.

Analisis hubungan antara pembolehubah menunjukkan hubungan yang positif antara gaya autoritarian dengan pembentukan personaliti Islamik pelajar. Gaya ini digunakan bagi membentuk disiplin pelajar dari segi kepatuhan kepada ibu bapa kerana budaya masyarakat Melayu lebih mementingkan kepatuhan anak terhadap ibu bapa tanpa mempersoalkannya selain hukuman yang perlu dikenakan bagi mereka yang enggan mematuhi perintah agama seperti perlaksanaan solat. Dapatkan ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Chao (1994), yang mendapati bahawa gaya authoritarian lebih sesuai bagi melatih anak kerana orang-orang Asia lebih kepada mengajar atau mendidik anak-anak dengan tingkah laku yang sesuai atau yang diharapkan oleh ibu bapa bagi membentuk peribadi anak.

Analisis hubungan antara gaya autoritatif dengan personaliti Islamik mendapati dapatan ini selaras dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa remaja yang menyatakan ibu bapa mereka baik hati, sering berlaku adil dan mengawal tingkah laku anak akan menyebabkan terhasilnya sikap yang positif terhadap sekolah (Steinberg, et.al. 1989). Hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa pembentukan personaliti Islamik dalam kalangan responden secara umumnya dipengaruhi oleh pengamalan gaya keibubapaan autoritatif terhadap responden. Perkara ini membuktikan bahawa ianya relevan dengan beberapa kajian terdahulu tentang hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut. Baumrind (1989), mendapati individu yang dibesarkan dalam keluarga autoritatif menjadi lebih bertanggungjawab, yakin, adaptif, kreatif, ada daya ingin tahu, pandai bergaul dan berjaya di sekolah.

Menurut Clark dan Sheilds, (1997) mendapati melalui kajian yang telah dijalankan mendapati komunikasi antara ibu bapa dan anak yang baik, suasana keluarga yang tenteram dan beberapa ciri asuhan autoritatif yang baik akan menghasilkan remaja yang bersikap positif. Kajian yang dijalankan oleh Wintre & Sugar (2000), mendapati kesepadan keluarga seperti komunikasi yang baik mempunyai hubungan dengan sifat daya saing sosial dalam kalangan remaja. Oleh itu, ibu bapa perlu menilai semula gaya keibubapaan mereka. Banyak kajian menunjukkan gaya keibubapaan autoritatif boleh membentuk tingkah laku anak yang positif. Ia adalah bentuk asuhan yang mempunyai keterbukaan dengan anak, tegas tetapi memberi penjelasan atas setiap suatu yang diajar kepada anak serta mesra dengan anak. Selain itu, aspek komunikasi sangat penting dalam hubungan kekeluargaan.

Kajian oleh Pellerin (2004), menunjukkan bahawa sekolah yang guru-gurunya mengamalkan gaya pendidikan yang autoritatif menghasilkan keputusan yang terbaik bagi mengatasi masalah ponteng dan dibuang dari sekolah akibat kesalahan disiplin. Secara tidak langsung ini menunjukkan pengamalan gaya autoritatif dapat memperbaiki sahsiah pelajar, maka jelaslah terdapat kesan yang baik daripada pengamalan gaya autoritatif ini. Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Melati, Zaharah dan Saedah (2010), mendapati bahawa gaya keibubapaan yang positif iaitu yang bercorak demokratik atau autoritatif akan mempengaruhi perkembangan anak-anak. Dapatkan ini juga disokong oleh Abdorreza dan Rozumah (2010), yang bersetuju bahawa ibu bapa autoritatif sangat mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak mereka disebabkan penglibatan secara langsung ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak dan pemantauan terhadap kerja rumah yang telah dibekalkan oleh pihak sekolah.

Analisis hubungan antara gaya keibubapaan permisif dan personaliti Islamik mendapati wujudnya hubungan songsang yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah. Ini bermakna

semakin tinggi tahap pengamalan gaya keibubapaan permisif semakin rendah tahap personaliti Islamik yang dimiliki oleh individu tersebut. Dalam membentuk tingkah laku dan kebiasaan beragama, sikap tegas ibubapa diperlukan agar anak-anak merasa takut untuk meninggalkan hal-hal yang melibatkan solat, puasa dan amalan-amalan fardhu yang lain. Dapatkan ini turut disokong oleh kajian Baumrind (1989), yang mendapati individu yang diasuh oleh ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan permisif adalah individu yang kurang matang, tidak bertanggungjawab dan akan akur kepada rakan sebaya. Dapatkan kajian ini adalah bersesuaian dengan kajian terdahulu seperti kajian Mitchell (1989) dan D'Angelo et. Al (1995) yang menunjukkan kekurangan perhatian dari ibu bapa memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku anti sosial. Selain itu, kajian oleh Slaby dan Guerra (1988) mendapati bahawa remaja yang bertingkah laku devian dan delikuan mempunyai kurang kawalan diri dan banyak dipengaruhi oleh kawalan luar dari persekitaran mereka. Kajian ini juga disokong oleh Baumrind (1989) yang mendapati individu yang diasuh dengan gaya keibubapaan permisif akan menjadi individu yang kurang matang dan bersifat impulsif, kurang berdikari dan kurang rasa tanggungjawab.

Dapatkan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa pelajar sering diajar dengan nilai-nilai yang baik seperti mengerjakan suruhan agama, nasihat ke arah kebaikan dan diajak berbincang oleh ibubapa mereka apabila sesuatu keputusan yang berkaitan dengan diri responden perlu diambil. Selain itu, pelajar juga dapat merasakan perhatian yang sentiasa diberikan oleh ibubapa mereka. Namun begitu, ketegasan terhadap pelajar juga adalah satu langkah bagi memastikan mereka tidak terlalu dimanjakan dan dapat memahami aspek-aspek penting yang perlu diberi penekanan dalam kehidupan sehari-hari. Hanya sebahagian kecil pelajar yang kurang mendapat perhatian daripada ibubapa mereka. Peningkatan amalan-amalan iaitu melalui 'ibadah' yang dilaksanakan adalah berlandaskan kepada penguasaan ilmu dan pengamalannya dalam kehidupan sehari-hari. Dapatkan hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar menganggap bahawa belajar daripada pengalaman adalah sangat penting. Ini mungkin disebabkan pelajar menjangkakan akan lebih menguasai ilmu yang diperolehi melalui pengamalan mereka. Selain itu, pelajar juga merasakan bahawa menuntut ilmu adalah satu perjuangan untuk memperolehi pengetahuan yang sangat berguna untuk digunakan sepanjang hayat. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga pengamalan gaya keibubapaan iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif memberikan kesan terhadap pembentukan personaliti Islamik dalam kalangan pelajar.

Kajian ini menyokong kajian-kajian lepas tentang pengaruh dan peranan ibubapa dalam pembinaan personaliti anak-anak. Ibu bapa seharusnya mendapat pendedahan mengenai pendidikan keibubapaan. Pendidikan keibubapaan ini akan membolehkan ibu bapa menguasai cara dan kaedah yang betul dan tepat bagi mendidik anak-anak mereka. Pendidikan seawal kelahiran dan berterusan sehingga peringkat matang anak akan menghasilkan individu yang berketrampilan dan mempunyai personaliti yang baik. Anak-anak harus menyedari bahawa mereka perlu ada hubungan yang kuat bersama ibu bapa bagi membolehkan mereka berkomunikasi dan sentiasa berinteraksi secara positif bagi memperbaiki sahsiah diri masing-masing. Guru-guru juga seharusnya sentiasa berhubung dan berkomunikasi dengan pelajar dalam mewujudkan suasana yang harmoni dan dinamik bagi mengenalpasti tahap personaliti Islamik yang dimiliki oleh pelajar. Selain itu, guru perlu berusaha untuk meningkatkan atau memperbaiki sahsiah pelajar bagi menjadikan pelajar individu yang berjaya bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga meliputi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ini boleh dilakukan dengan merancang dan melaksanakan program-program sekolah yang menekankan keagamaan dan aktiviti-aktiviti yang berbentuk 'survival'.

Perlaksanaan kajian ini adalah untuk memberi manfaat kepada ibu bapa khususnya, pendidik, pihak sekolah serta pihak yang terlibat secara langsung dengan sekolah agar dapat menangani sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah. Implikasi dari dapatkan kajian ini

diharapkan dapat memberi contoh pengamalan gaya keibubapaan yang terbaik dalam membentuk personaliti Islamik pelajar. Gaya keibubapaan yang tidak sesuai akan menyebabkan masalah salah laku di sekolah berlarutan dan akan menjelaskan prestasi sekolah tersebut. Lanjutan daripada maklumat yang diperolehi akan membantu pihak sekolah bersama Persatuan Ibu bapa dan Guru merangka satu program bagi meningkatkan atau memperkuuhkan tahap personaliti ini yang merangkumi aspek-aspek ‘ibadah’, ‘amanah’ dan ‘ilmu’. Secara umumnya, ibu bapa gemar memilih dan mengamalkan gaya keibubapaan tertentu terhadap anak mereka dengan tujuan dapat mempengaruhi anak-anaknya dari segi kecekapan sosial, perkembangan kognitif, pembentukan personaliti dan proses pembelajaran. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada ibu bapa agar mempraktikkan gaya keibubapaan yang bersesuaian dengan umur anak tersebut serta boleh dijadikan sebagai panduan oleh ibu bapa dalam proses mendidik anak-anak.

Rujukan

- Abdorreza Kordi & Rozumah Baharudin. 2010. Parenting Attitude and Style and Its Effect on Children’s School Achievements. *International Journal of Psychological Studies* **2**(2).
- Al-Ghazali, Muhammad. 2008. *Akhlaq Seorang Muslim*. Kuala Lumpur : Crescent News Sdn. Bhd.
- Baumrind, D. 1989. Parenting Styles and Adolescent Development. In. J. Brooks-Gunn, R. Lerner, & A.C Peterson (eds). *The Encyclopedia of Adolescence*. New York: Garland.
- Chao, R.K. 1994. Beyond Parental Control and Authoritarian Parenting Style: Understanding Chinese Parenting through the Cultural Notion Training. *Child Development* **65**: 1111-1119.
- Clark, R.D. & Sheilds, G. 1997. Family Communication and Delinquency Adolescence **32**(125): 81-92.
- D’Angelo, L., Getson, P. & Luban, N. 1991. Human Immunodeficiency Virus Infection in Urban Adolescents: Can We Predict Who is At Risk? *Pediatrics* **88**: 982-986.
- Hamedah Wok Awang & dan Normah Teh. 2009. *Sekolah Sebagai Pembangun Modal Insan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ismail Ibrahim. 2002. *Ibubapa Penentu Sahsiah Anak-anak*. Dlm. Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt.). *Peranan Ibu bapa dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak*. Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Islamic Understanding (IKIM).
- Melati Sumari, Zaharah Hussin & Saedah Siraj. 2010. Factors Contributing to Academic Achievement and Moral Development: A Qualitative Study. *The International Journal of Research and Review* **5**(2).
- Mitchell, B. 1989. The Family Environment and Leaving The Parental Home. *Journal of Marriage and Family* **51**: 605-613.
- Muhammad Al-Ghazali. 2008. *Akhlaq Seorang Muslim*. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Mustafar Hj Ali. 2006. *Pelan Integriti Nasional (PIN) Gagasan Membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia: Isu, Cabaran dan Pelan Tindakan*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia (IIM).
- Nooraini Othman. 2008. *The Development and Validation of the Ummatic Personality Inventory*. PhD Thesis. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nooraini Othman. 2011. Eksplorasi Dimensi Ummatic Personality Inventory© (UPI) Sebagai Alat Pengukuran Personaliti Psiko-Spiritualiti Islami. *‘Ulum Islamiyyah Journal* **7**(December) 2011.
- Nooraini Othman. 2011a. Exploring the Ummatic Personality Inventory Dimensions from the Psycho-Spiritual Paradigm. *International Journal of Psychological Studies* **3**(2).
- Nooraini Othman & Mazlyana Buhari. 2011. Keberkesanan Pendidikan Islam dalam Pembentukan Personaliti Pelajar. *Journal of Educational Psychology & Counseling* **4** (December).
- Paulson, S. 1994. Relations of Parenting Style and Parental Involvement with Ninth Grade Students’ Achievement. *Journal of Early Adolescence* **14**: 250-267.

- Pellerin, L.A. 2004. Applying Baumrind's Parenting Typology to High Schools: Toward a Middle-Range Theory of Authoritative Socialization. *Social Science Research* **34**: 283-303.
- Piaw, C.Y. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Rohana Hamzah. 2010. *Mengenali Manusia Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: UTM Press.
- Sekaran, U. 1992. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. USA: John Wiley & Sons.
- Sidek Baba. 2007. Peranan Sistem Pendidikan dalam Pembangunan Keluarga Islam. In. Azrina Sobian. *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. IKIM.
- Slaby, R.G. & Guerra, N.G. 1988. Cognitive Mediators of Aggression in Adolescent Offenders. *Developmental Psychology* **24**: 580-588.
- Steinberg, L., Elmen, J. & Mounts, N. 1989. Authoritative Parenting, Psychosocial Maturity and Academic Success among Adolescents. *Child Development* **60**: 1424-1436.
- Wintre, M.G. & Sugar, L.A. 2000. Relationship with Parents, Personality and the University Transition. *Journal of College Student Development* **41**: 202-214.